



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2025

**PANDUAN PELAKSANAAN
SISTEM PENGURUSAN INTEGRITI DAN GOVERNANS (SPINE)
DALAM SEKTOR AWAM**

JABATAN PERDANA MENTERI

29 DISEMBER 2025

Dikelilingkan kepada:

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2025

PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN INTEGRITI DAN GOVERNANS (SPINE) DALAM SEKTOR AWAM

KANDUNGAN

1. Tujuan
2. Tafsiran
3. Latar Belakang
4. Objektif Pelaksanaan SPINE
5. Kaedah Pelaksanaan SPINE
6. Faedah dan Kumpulan Sasaran
7. Tanggungjawab Organisasi
8. Tanggungjawab Ketua Jabatan
9. Pelantikan Pegawai Penyelaras
10. Permohonan
11. Kaedah Pengisian
12. Penilaian
13. Pensijilan
14. Pensijilan Semula
15. Penggantungan/ Pembatalan Sijil
16. Pemakaian
17. Maklumat Pertanyaan
18. Tarikh Kuat Kuasa



JABATAN PERDANA MENTERI
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Telefon : 03-8872 3333
Faks : 03-8888 3755
E-mel : jpm@jpm.gov.my
Web : <http://www.jpm.gov.my>

Rujukan Kami :

Tarikh : 29 Disember 2025

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEKELILING AM BILANGAN 3 TAHUN 2025

PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN INTEGRITI DAN GOVERNANS (SPINE) DALAM SEKTOR AWAM

1. TUJUAN

Pekeliling Am ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan pelaksanaan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) di semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri sebagai satu mekanisme semakan sendiri bagi menilai tahap integriti, governans dan antirasuah organisasi sektor awam.

2. TAFSIRAN

Bagi maksud Pekeliling Am ini:

“SPINE” ertinya Sistem Pengurusan Integriti dan Governans, iaitu satu sistem semakan sendiri yang menilai tahap integriti, governans, risiko rasuah serta usaha pencegahan salah laku melalui tujuh komponen utama yang disusun dalam kitaran Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Penyemakan (Check) dan Tindakan (Action) – PDCA.

“Agensi Kerajaan” ertinya melibatkan semua kementerian, jabatan dan pejabat di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di peringkat daerah dan wilayah.

“Pegawai Penyelaras” bermaksud pegawai yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk menyelaras pelaksanaan SPINE di peringkat agensi, dan hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P), sebaik-baiknya Ketua Unit Integriti atau pegawai yang mengurus fungsi integriti, pengurusan risiko, audit dalaman atau tadbir urus. Jika jawatan tersebut tiada, mana-mana pegawai P&P yang sesuai boleh dilantik. Sekiranya kapasiti agensi terhad, pegawai Kumpulan Pelaksana yang berpengalaman boleh dilantik tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.

“Ketua Jabatan” bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu Agensi Kerajaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa melaksanakan tugas Ketua Jabatan

3. LATAR BELAKANG

(1) Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 September 2023 telah bersetuju supaya Institut Integriti Malaysia (IIM) memperkukuh peranan sebagai agensi peneraju dalam penyelarasan dasar dan instrumen integriti kebangsaan, termasuk membangunkan sistem pemantauan yang menyeluruh, bersepadu dan berimpak tinggi bagi memperkukuh tadbir urus sektor awam.

(2) Mengambil kira matlamat Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) serta mandat Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) yang sedang berkuatkuasa, IIM telah membangunkan Sistem Pengurusan Integriti dan Governans (SPINE) untuk memastikan usaha pengukuhan integriti tidak terhad kepada inisiatif yang hanya melibatkan agensi berkeupayaan tinggi, tetapi dapat dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh sektor awam.

(3) Untuk memastikan kesesuaian dan kebolehlaksanaan dalam konteks sebenar operasi agensi kerajaan, projek rintis SPINE telah dilaksanakan dari November 2024 hingga Februari 2025 melibatkan 15 agensi peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT. Antara agensi yang terlibat termasuk Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur (DBKL), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri.

(4) Berdasarkan keberhasilan projek rintis tersebut, **Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) Bil. 8 Tahun 2025** pada 22 September 2025 telah memperakukan SPINE yang dibangunkan oleh IIM sebagai badan kawal selia untuk berfungsi sebagai mekanisme wajib bagi menilai tahap integriti dan governans dalam sektor awam.

(5) SPINE dibangunkan bagi memenuhi keperluan berikut:

- i. menyediakan sistem integriti nasional yang mampu dilaksanakan oleh semua agensi tanpa kos persijilan yang tinggi;
- ii. mengukuhkan budaya integriti yang bersifat pencegahan; dan
- iii. memantapkan kecekapan tadbir urus dan pematuhan;

(6) Pelaksanaan SPINE turut disokong oleh peruntukan **Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867]**, khususnya Seksyen 7(2) di mana:

- i. Kaedah penarafan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengukur dan menilai prestasi perkhidmatan sesuatu entiti kerajaan secara objektif dan telus;

- ii. menggunakan kriteria yang jelas untuk mengukur dan menilai prestasi perkhidmatan sesuatu entiti kerajaan yang merangkumi kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan dan pematuhan kepada Prinsip Itizam; dan
- iii. memastikan hasil pengukuran dan penilaian boleh digunakan untuk menambah baik dan meningkatkan mutu perkhidmatan sesuatu entiti kerajaan.

4. OBJEKTIF PELAKSANAAN SPINE

Pelaksanaan SPINE bertujuan untuk:

- (1) **Penilaian Tahap Integriti** – melaksanakan semakan sendiri bagi menilai tahap kesihatan sesebuah organisasi dari aspek integriti, tadbir urus dan antirasuah. Melalui pendekatan semakan kesihatan integriti ini, agensi dapat mengenal pasti tahap prestasi integriti semasa dan menumpukan perhatian kepada intervensi bersesuaian sebagai langkah rawatan dan penambahbaikan berterusan.
- (2) **Mengenal Pasti Jurang dan Risiko Integriti** – mengenal pasti jurang kelemahan dalam amalan integriti dan governans/tatakelola organisasi bagi tujuan penambahbaikan yang bersasar. Hasil penilaian SPINE membantu organisasi menyusun pelan tindakan khusus untuk menutup jurang yang dikenal pasti sama ada dari segi dasar, pelaksanaan, pengurusan risiko atau kawalan dalaman.

(3) **Tindakan Pembetulan & Penambahbaikan Berterusan** – melaksanakan penilaian semula secara berkala untuk menilai keberkesanan pelan tindakan penambahbaikan yang telah diambil serta memastikan peningkatan berterusan dalam pengurusan integriti dan governans. Proses penilaian semula ini berfungsi sebagai mekanisme pemantauan bagi menilai sejauh mana organisasi telah memperkukuh sistem dan kawalan dalaman selepas pelaksanaan intervensi.

(4) **Pengiktirafan dan Insentif** – memberikan pengiktirafan kepada organisasi yang melaksanakan inisiatif pembudayaan integriti secara konsisten dan berterusan. Pengiktirafan berupa sijil SPINE ini menjadi galakan kepada agensi, membentuk persaingan sihat dan budaya kecemerlangan integriti dalam sektor awam, serta meningkatkan keyakinan rakyat terhadap tadbir urus kerajaan.

5. KAEDAH PELAKSANAAN SPINE

(1) Pendekatan pelaksanaan SPINE adalah berasaskan kitaran penambahbaikan berterusan PDCA. Melalui kitaran PDCA ini, pengukuhan integriti, tadbir urus dan antirasuah dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu, sejajar dengan sistem kawalan dalaman sedia ada dalam agensi. SPINE menyediakan rangka kerja menyeluruh yang boleh disepadukan ke dalam proses pengurusan sedia ada, agar inisiatif integriti tidak dilaksanakan secara terpisah tetapi sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan organisasi.

(2) Keberkesanan pelaksanaan SPINE di sesuatu agensi bergantung kepada tujuh elemen utama yang menjadi asas kepada sistem ini. Tujuh elemen SPINE tersebut merangkumi semua aspek penting integriti organisasi, dari pembentukan nilai sehinggalah ke pemantauan dan penambahbaikan berterusan. Elemen-elemen utama SPINE adalah:

i. **Penetapan Nilai dan Standard Integriti Organisasi**

Merangkumi penetapan visi, misi, nilai teras, standard tingkah laku, etika organisasi dan pernyataan integriti. Elemen ini bertujuan membentuk asas budaya integriti yang jelas, difahami dan dipatuhi oleh seluruh warga organisasi.

ii. **Pengurusan Risiko Integriti**

Melibatkan proses mengenal pasti, menganalisis, menilai dan mengawal risiko integriti, governans dan rasuah. Ini termasuk pembentukan pelan mitigasi risiko bagi memastikan organisasi dapat mencegah salah laku dan meningkatkan keupayaan kawalan dalaman.

iii. **Polisi dan Prosedur Integriti**

Termasuk penggubalan atau pengemaskinian kod etika, dasar hadiah, dasar pengisytiharan kepentingan, peraturan kerja serta kawalan dalaman bagi memastikan setiap proses organisasi mematuhi prinsip integriti dan tadbir urus baik.

iv. **Sistem Aduan dan Siasatan Dalaman**

Menyediakan saluran aduan yang selamat, dipercayai dan mudah diakses. Elemen ini turut melibatkan penyiasatan dalaman yang adil, bebas dan profesional serta perlindungan kepada pemberi maklumat.

v. **Penguatkuasaan dan Tanggungjawab Tatakelakuan**

Merangkumi pengurusan tatatertib, tindakan terhadap pelanggaran integriti, pemantauan kepatuhan dasar serta penguatkuasaan terhadap peraturan organisasi secara konsisten dan telus.

vi. **Latihan dan Komunikasi Integriti**

Termasuk pelaksanaan program kesedaran, latihan kompetensi, bengkel, kempen komunikasi dan aktiviti pengukuhan nilai integriti bagi memastikan pembudayaan integriti berlaku secara meluas dan mampan.

vii. **Pemantauan dan Penilaian Berkala dan Penambahbaikan Berterusan**

- a) Elemen ini memastikan pelaksanaan integriti dipantau secara berkala melalui audit dalaman, semakan pengurusan dan laporan prestasi bagi menilai keberkesanan dasar serta kawalan sedia ada. Penilaian ini memberi gambaran jelas tahap pematuhan dan keutuhan sistem integriti organisasi.

- b) Seterusnya, dapatan penilaian digunakan untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan penambahbaikan secara berterusan agar kelemahan dapat ditutup, risiko dapat dikurangkan dan tahap integriti organisasi sentiasa ditingkatkan selaras dengan amalan tadbir urus terbaik.

Elemen-elemen ini membentuk keupayaan organisasi untuk melaksanakan semakan kesihatan integriti secara mandiri, komprehensif dan berterusan.

6. FAEDAH DAN KUMPULAN SASARAN

(1) Kumpulan Penerima Manfaat:

- i. Kementerian dan Jabatan Persekutuan
- ii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Negeri
- iii. Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri
- iv. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- v. Pegawai pelbagai peringkat dan fungsi
- vi. Rakyat serta pengguna perkhidmatan awam
- vii. Pelabur domestik dan antarabangsa (secara tidak langsung melalui peningkatan persepsi tadbir urus)

(2) Faedah Pelaksanaan SPINE

- i. **Kos efektif dan mampu laksana**
Tidak memerlukan kos persijilan yang tinggi di mana agensi boleh memfokuskan pada pelaksanaan substantif tanpa beban kewangan.
- ii. **Pengurusan risiko yang lebih berstruktur**
Risiko integriti dinilai secara menyeluruh merentas semua proses utama organisasi.
- iii. **Pengukuhan tadbir urus dan pematuhan dasar**
Polisi, prosedur dan kawalan dalaman diperkukuh secara sistematik.

iv. **Peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam**

Penilaian dan pembaikan dalaman hasil penemuan SPINE membantu mempercepat urusan dan mengurangkan aduan awam.

v. **Meningkatkan keyakinan rakyat dan pelabur**

Ketelusan dan akauntabiliti yang dipertingkatkan menambah kepercayaan terhadap institusi kerajaan.

vi. **Menyokong aspirasi pembaharuan nasional**

Menyumbang kepada pencapaian skor *Corruption Perceptions Index* - CPI negara dan reformasi tadbir urus secara menyeluruh.

7. TANGGUNGJAWAB AGENSI KERAJAAN

Setiap Agensi Kerajaan bertanggungjawab memastikan pelaksanaan SPINE dapat dijayakan secara menyeluruh, terancang dan berkesan seperti berikut:

- (1) memastikan semua dasar, polisi dan prosedur integriti organisasi difahami, dipatuhi dan dilaksanakan oleh seluruh warga kerja selaras dengan keperluan SPINE.
- (2) memberi kerjasama sepenuhnya dalam proses penilaian sendiri, semakan lapangan dan semakan penambahbaikan, termasuk menyediakan maklumat,

dokumen serta pegawai rujukan yang diperlukan oleh pihak IIM.

- (3) membudayakan nilai integriti dalam operasi harian organisasi, termasuk memastikan pematuhan prinsip integriti sebagai norma kerja dalam semua proses, perkhidmatan dan keputusan.
- (4) menyediakan, mengurus dan memantau saluran pelaporan salah laku yang sah, selamat dan berfungsi, termasuk memastikan perlindungan pemberi maklumat dan tindakan susulan yang sewajarnya ke atas setiap aduan.
- (5) merancang dan melaksanakan latihan, program kesedaran serta pembangunan kapasiti berkaitan integriti secara berterusan bagi meningkatkan kefahaman dan kompetensi warga organisasi dalam melaksanakan SPINE.

8. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan merupakan pemegang amanah utama dalam pelaksanaan SPINE di agensi masing-masing. Tanggungjawab Ketua Jabatan adalah seperti berikut:

- (1) melaksanakan SPINE sebagai mekanisme pemantauan dan penilaian integriti organisasi;

- (2) menetapkan dan melantik Pegawai Penyelaras (*focal point*) bagi menguruskan koordinasi dengan pihak IIM;
- (3) memastikan latihan, komunikasi dan sesi kesedaran dilaksanakan secara berterusan kepada semua lapisan warga organisasi;
- (4) mengambil tindakan susulan dan penambahbaikan terhadap dapatan penilaian sendiri, audit lapangan dan sesi konsultasi;
- (5) menyediakan laporan status pelaksanaan SPINE kepada pihak pengurusan atasan secara berkala;
- (6) memastikan agensi mencapai status Unggul atau mengambil tindakan susulan jika berada di bawah tahap tersebut.

9. PELANTIKAN PEGAWAI PENYELARAS

- (1) Setiap Agensi Kerajaan hendaklah melantik seorang Pegawai Penyelaras SPINE yang bertanggungjawab menjadi penghubung rasmi antara agensi dengan IIM bagi tujuan pelaksanaan, pemantauan dan penyelarasan SPINE.
- (2) Pelantikan Pegawai Penyelaras hendaklah dibuat oleh Ketua Jabatan melalui surat pelantikan rasmi, dan nama pegawai tersebut perlu didaftarkan dalam sistem SPINE semasa proses permohonan.

- (3) Pegawai Penyelaras hendaklah terdiri daripada pegawai yang mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi berkaitan dasar integriti, tadbir urus serta proses kerja organisasi, dan berada pada kedudukan yang membolehkan penyelarasan dilakukan dengan berkesan.
- (4) Pegawai Penyelaras bertanggungjawab untuk:
- i. mengurus pendaftaran agensi dalam sistem SPINE;
 - ii. memastikan semua maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem adalah tepat dan lengkap;
 - iii. menyelaras pelaksanaan Penilaian Kendiri di peringkat jabatan atau bahagian;
 - iv. mengurus kehadiran pegawai semasa sesi Semakan Lapangan dan Semakan Penambahbaikan; dan
 - v. menjadi pegawai rujukan utama bagi semua pertanyaan berkaitan SPINE di peringkat agensi.
- (5) Agensi digalakkan melantik seorang pegawai sokongan atau pembantu penyelaras bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan SPINE sekiranya Pegawai Penyelaras utama tidak dapat menjalankan tugas.

- (6) Ketua Jabatan hendaklah memastikan Pegawai Penyelaras diberi akses, masa, sokongan sumber manusia dan dokumen yang mencukupi untuk mengurus dan menyelaras pelaksanaan SPINE dengan berkesan.

10. PERMOHONAN

- (1) Setiap agensi yang ingin melaksanakan SPINE hendaklah membuat permohonan melalui pendaftaran dalam talian di portal rasmi SPINE (<https://spine.iim.gov.my>) dengan mengisi lengkap semua maklumat yang diminta dalam sistem.
- (2) Permohonan ini hendaklah dibuat oleh **Ketua Jabatan** atau **Pegawai Penyelaras** yang telah dilantik secara rasmi. Pendaftaran ini bertujuan untuk mendaftarkan agensi sebagai peserta penilaian SPINE serta membolehkan pihak IIM menetapkan pegawai rujukan dan jadual pelaksanaan yang sesuai.
- (3) Tiada borang fizikal diperlukan. Semua maklumat permohonan hendaklah diisi dan dihantar terus melalui portal SPINE. Setelah permohonan dihantar, agensi akan menerima emel pengesahan pendaftaran.

- (4) Pegawai Penyelaras hendaklah log masuk ke dalam sistem menggunakan nombor pendaftaran dan kata laluan sementara yang diterima untuk:
- i. menukar kata laluan;
 - ii. mengesahkan profil agensi; dan
 - iii. memulakan Penilaian Kendiri dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pendaftaran.

11. KAEDAH PENGISIAN

- (1) Pegawai Penyelaras hendaklah memastikan semua maklumat yang diminta dalam sistem SPINE diisi dengan **tepat, lengkap dan berdasarkan keadaan sebenar** organisasi, termasuk maklumat mengenai polisi, prosedur, struktur tadbir urus, proses kerja dan mekanisme integriti sedia ada.
- (2) Setiap soalan penilaian sendiri hendaklah dijawab secara objektif berasaskan bukti, rekod dan amalan sebenar agensi. Jawapan tidak boleh dibuat secara anggaran atau bersifat umum tanpa merujuk kepada pelaksanaan sebenar.
- (3) Tiada dokumen sokongan perlu dimuat naik ke dalam sistem. Walau bagaimanapun, **semua dokumen yang dirujuk dalam pengisian** (seperti dasar, SOP, minit mesyuarat, laporan, rekod aduan atau bahan latihan) hendaklah **dikedepankan dan disediakan** untuk semakan semasa **Sesi Semakan dan Konsultasi Lapangan** oleh pihak IIM.

- (4) Pegawai Penyelaras hendaklah berbincang dengan jabatan atau unit berkaitan bagi memastikan maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem adalah **selaras, konsisten dan menggambarkan amalan sebenar** organisasi.
- (5) Sebelum pengisian dihantar, Pegawai Penyelaras perlu menyemak semula keseluruhan jawapan bagi memastikan tiada ralat, ketidakselarasan atau maklumat yang tertinggal.
- (6) Setelah semua maklumat lengkap, Penilaian Kendiri hendaklah dihantar melalui sistem SPINE dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh pendaftaran agensi, atau dalam tempoh yang ditetapkan oleh pihak IIM dari semasa ke semasa.

12. PENILAIAN

Penilaian terhadap pelaksanaan SPINE akan dibuat secara berstruktur oleh IIM melalui pendekatan berikut:

- (1) Audit Penilaian Kendiri – Pemeriksaan ke atas maklumat dan bukti yang dikemukakan oleh agensi dalam sistem SPINE;
- (2) Semakan Lapangan & Konsultasi – Verifikasi fizikal dan lisan oleh pasukan konsultan IIM terhadap pelaksanaan sebenar di lapangan;
- (3) Pemantauan & Penilaian Berterusan – Semakan status pelaksanaan tindakan pembetulan oleh agensi selepas konsultasi;

- (4) Penilaian Semula 2 Tahun Sekali – Agensi yang telah memperoleh Sijil SPINE diwajibkan menjalani penilaian semula setiap dua tahun untuk pembaharuan pengiktirafan;
- (5) Pelaporan Penilaian – Setiap agensi perlu menyimpan dan menyerahkan laporan penilaian SPINE kepada pihak berkepentingan termasuk Lembaga Audit Dalam, Jawatankuasa Integriti atau pihak berkuasa atasan jika perlu.
- (6) Penarafan SPINE – Tahap kesihatan integriti organisasi akan ditentukan melalui skor keseluruhan Penilaian Kendiri dan disahkan melalui semasa Sesi Semakan dan Konsultasi Lapangan oleh IIM. Penarafan adalah seperti berikut: (Rujuk ulasan terperinci dalam Lampiran – Perkara B)
 - i. **Unggul** (90% – 100%)
 - ii. **Sihat** (70% – 89%)
 - iii. **Sakit** (40% – 69%)
 - iv. **Kritikal** (1% – 39%)

Penarafan ini menjadi batu asas kepada tindakan susulan, termasuk keperluan penambahbaikan dalaman, sesi semakan tambahan atau penjadualan semula penilaian berdasarkan keperluan pembangunan integriti agensi. Hanya agensi yang mencapai penarafan Unggul layak menerima Sijil Pengiktirafan SPINE.

13. PENSIJILAN

- (1) Sijil Pengiktirafan SPINE akan dianugerahkan kepada agensi yang mencapai tahap Unggul berdasarkan keputusan penilaian SPINE yang telah disahkan oleh IIM.
- (2) Sijil ini merupakan pengiktirafan rasmi kerajaan terhadap pencapaian agensi dalam membudayakan integriti, memperkukuh tadbir urus serta melaksanakan pematuhan antirasuah secara konsisten.
- (3) Sijil Pengiktirafan SPINE mempunyai tempoh sah laku selama dua (2) tahun dari tarikh penganugerahan. Agensi hendaklah mengekalkan dan terus meningkatkan tahap integriti sepanjang tempoh berkenaan.

14. PENSIJILAN SEMULA

- (1) Sebelum tempoh sah laku sijil tamat, agensi boleh menjalani penilaian semula untuk tujuan pembaharuan pengiktirafan. Penilaian semula ini memastikan kesinambungan pelaksanaan SPINE, termasuk penambahbaikan berterusan terhadap sebarang jurang integriti yang dikenal pasti.
- (2) Sistem SPINE akan memberikan notifikasi kepada agensi mengenai tarikh luput sijil, dan pihak IIM akan menetapkan tarikh baharu bagi Sesi Semakan dan Konsultasi Lapangan.

- (3) Proses pensijilan semula adalah sama seperti proses penilaian pertama bermula dari Sesi Semakan dan Konsultasi Lapangan dan tertakluk kepada prosedur penilaian serta pengesahan yang ditetapkan oleh IIM dari semasa ke semasa.
- (4) Kegagalan menjalani penilaian semula dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan sijil tersebut luput secara automatik.

15. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN SIJIL SPINE

- (1) Sijil Pengiktirafan SPINE boleh **digantung** sekiranya agensi didapati tidak mengekalkan pematuhan terhadap elemen-elemen SPINE, gagal melaksanakan tindakan penambahbaikan yang diarahkan, atau tidak memberikan kerjasama sewajarnya kepada IIM dalam proses pemantauan dan penilaian semula.
- (2) Sijil Pengiktirafan SPINE boleh **dibatalkan** sekiranya berlaku pelanggaran integriti yang serius, termasuk salah laku tatakelakuan atau rasuah di peringkat organisasi, kegagalan sistemik dalam tadbir urus, atau ketidakpatuhan berulang terhadap syarat-syarat pelaksanaan SPINE.
- (3) Keputusan penggantungan atau pembatalan sijil dibuat berdasarkan dapatan penilaian IIM dan akan dimaklumkan secara rasmi kepada agensi berkenaan melalui notis bertulis.
- (4) Agensi yang sijil digantung atau dibatalkan boleh mengemukakan permohonan untuk semakan semula setelah menunjukkan bukti tindakan pembetulan yang mencukupi mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh IIM.
- (5) Pembatalan sijil adalah muktamad dan agensi perlu melalui proses permohonan baharu serta penilaian penuh SPINE sekiranya ingin mendapatkan semula pengiktirafan.

16. PEMAKAIAN

Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua kementerian dan Jabatan Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaan pihak berkuasa masing-masing. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pelaksanaan SPINE dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeling ini.

17. MAKLUMAT PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung Pekeliling Am ini boleh dirujuk kepada:

Pusat Integriti Sektor Awam

Institut Integriti Malaysia

Menara Integriti

Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin

Off Jalan Tuanku Abdul Halim

50480 Kuala Lumpur

Telefon: 03-62116006 ext 357

E-mel: spine@iim.gov.my

18. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan. Semua agensi hendaklah mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan SPINE berlaku secara berfasa dan dipantau keberkesanannya dari semasa ke semasa.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"




TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR

Ketua Setiausaha Negara

29 Disember 2025

A. PROSES PELAKSANAAN SPINE

Pelaksanaan SPINE di agensi sektor awam melalui beberapa peringkat utama, bermula dari pendaftaran awal sehingga pemberian sijil pengiktirafan. Secara umumnya, tempoh lengkap bagi sesuatu agensi melaksanakan SPINE adalah dianggarkan sekitar **empat hingga enam bulan**, tertakluk kepada faktor seperti kecepatan agensi menyempurnakan penilaian sendiri, ketersediaan penilai IIM untuk semakan, masa yang diambil agensi melaksanakan penambahbaikan, dan jadual pelaksanaan penilaian lapangan oleh pasukan SPINE. Berikut adalah carta alir dan keterangan setiap langkah proses pelaksanaan SPINE:



Carta alir proses kerja pelaksanaan SPINE dari peringkat pendaftaran hingga persijilan.

(1) Pendaftaran

- (i) Agensi yang terlibat hendaklah membuat **pendaftaran** melalui laman sesawang SPINE rasmi: <https://spine.iim.gov.my>) dan mengisi lengkap maklumat yang diminta.
- (ii) Setelah pendaftaran berjaya, agensi akan diberikan Nombor Pendaftaran dan Kata Laluan Sementara yang dihantar ke e-mel berdaftar untuk tujuan akses ke sistem. Dengan maklumat ini, agensi boleh log masuk ke dalam sistem SPINE dan memulakan proses penilaian.

(2) Penilaian Kendiri

- (i) Peringkat seterusnya, agensi perlu melaksanakan Penilaian Kendiri melalui sistem SPINE dalam tempoh masa yang ditetapkan (disyorkan disempurnakan dalam masa dua minggu dari tarikh pendaftaran).
- (ii) Penilaian Kendiri ini berbentuk soal selidik/pemeriksaan kesihatan integriti organisasi yang merangkumi ketujuh-tujuh elemen SPINE seperti dihuraikan di perenggan 5 di atas.
- (iii) Setelah menjawab semua soalan penilaian kendiri, sistem SPINE akan menjana skor tahap kesihatan integriti organisasi berkenaan.

- (iv) Agensi akan dimaklumkan status tahap kesihatan organisasi semasa berdasarkan skor tersebut, yang terbahagi kepada empat kategori iaitu: Kritikal (1%–39%), Sakit (40%–69%), Sihat (70%–89%) atau Unggul (90%–100%).
- (v) Status ini memberi gambaran tahap integriti semasa organisasi dan menjadi penentu langkah seterusnya.

(3) **Semakan dan Konsultasi Lapangan**

- (i) Bagi agensi yang telah melengkapkan Penilaian Kendiri, pasukan IIM akan mengatur **Semakan dan Konsultasi Lapangan**.
- (ii) Pada peringkat ini, satu pasukan penilai SPINE (terdiri daripada **dua orang konsultan dan seorang pemerhati**) akan membuat lawatan ke agensi berkenaan untuk menilai secara mendalam hasil Penilaian Kendiri.
- (iii) Pasukan penilai akan menyemak jawapan Penilaian Kendiri yang diberikan oleh agensi, menilai dokumen sokongan yang disediakan, serta mengadakan sesi temu bual atau penerangan lisan dengan pegawai terlibat.
- (iv) Semakan ini bertujuan mengesahkan penilaian sendiri dan menilai tahap pencapaian sebenar bagi setiap elemen SPINE yang dinilai. Setelah sesi Semakan Lapangan selesai:

- a. **Agensi berstatus “Unggul”** (skor 90-100%) – Layak Mendapat Sijil SPINE. Jika hasil semakan mendapati agensi mencapai tahap Unggul dalam semua elemen, agensi tersebut akan dianugerahkan Sijil Pengiktirafan SPINE tanpa perlu menunggu tindakan lanjut.
- b. **Agensi berstatus selain “Unggul”** – Penambahbaikan Lanjutan Diperlukan. Bagi agensi yang belum mencapai tahap Unggul, pasukan penilai akan mengenal pasti kelemahan atau jurang yang perlu diperbaiki. Agensi tersebut dikehendaki melaksanakan langkah penambahbaikan dalaman sebelum penilaian semula dilakukan (rujuk perkara (4) di bawah). Semua hasil penemuan dan syor penambahbaikan akan dibincangkan bersama agensi semasa sesi konsultasi, sebagai panduan tindakan susulan.

(4) Penambahbaikan oleh Agensi

- (i) Berdasarkan penemuan semasa Semakan Lapangan, agensi hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap aspek yang belum mencapai tahap memuaskan.
- (ii) Penambahbaikan boleh merangkumi penggubalan atau pindaan dasar/prosedur, pelaksanaan latihan tambahan, pengukuhan kawalan dalaman, atau apa jua langkah

pembetulan lain mengikut saranan pasukan konsultan SPINE.

- (iii) Tempoh masa yang diperuntukkan bagi agensi melaksanakan penambahbaikan adalah sekitar dua bulan dari tarikh sesi konsultasi lapangan. Agensi disarankan memanfaatkan tempoh ini sebaiknya untuk menutup semua jurang yang dikenal pasti.

(5) Semakan Penambahbaikan (Dalam Talian)

- (i) Setelah agensi selesai melaksanakan langkah penambahbaikan dalaman, satu sesi Semakan Penambahbaikan akan dijalankan secara dalam talian (*online*) bersama pasukan konsultan SPINE. Dalam sesi ini, agensi akan membentangkan bukti pelaksanaan penambahbaikan yang telah dibuat.
- (ii) Pasukan konsultan akan menilai semula tahap integriti agensi pasca-penambahbaikan berdasarkan bukti dan penjelasan yang dikemukakan.
- (iii) Sekiranya penilaian mendapati agensi kini mencapai status Unggul, maka agensi tersebut layak diberikan sijil pengiktirafan SPINE (rujuk perkara (6) di bawah).
- (iv) Jika masih belum mencapai tahap Unggul, agensi akan diminta untuk melaksanakan penambahbaikan tambahan mengikut keperluan dan proses semakan

penambahbaikan (*online*) akan diulang semula sehingga tahap Unggul berjaya dicapai.

- (v) Pendekatan ini memastikan agensi terus menambah baik sistem integriti mereka secara iteratif sehingga mencapai standard tertinggi.

(6) Sijil Pengiktirafan SPINE

- (i) **Sijil Pengiktirafan SPINE** akan dianugerahkan kepada agensi yang berjaya mencapai **tahap Unggul** hasil penilaian SPINE.
- (ii) Sijil yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara ini merupakan pengiktirafan rasmi kerajaan terhadap pencapaian cemerlang agensi tersebut dalam membudayakan integriti, tadbir urus baik dan pematuhan anti-rasuah.
- (iii) Sijil SPINE yang diberikan mempunyai tempoh **sah laku selama dua tahun**. Agensi disarankan untuk meneruskan usaha mengekalkan dan meningkatkan tahap integriti sepanjang tempoh tersebut.
- (iv) Sebelum tempoh sah sijil tamat, penilaian SPINE boleh dilaksanakan semula sebagai penilaian semula bagi memperbaharui pengiktirafan, memastikan kesinambungan usaha integriti dan mengenal pasti

sebarang penambahbaikan lanjut (selaras dengan objektif SPINE untuk penambahbaikan berterusan).

Dengan melalui kesemua langkah di atas, agensi sektor awam dapat membangunkan sistem integriti dalaman yang komprehensif. Pelaksanaan SPINE secara konsisten diyakini akan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, mengurangkan risiko salah laku, dan menyumbang kepada peningkatan integriti kerajaan secara keseluruhan.

B. PENARAFAN SPINE

MARKAH	STATUS	CATATAN
90%-100%	UNGGUL	Mencerminkan organisasi yang telah menginstitusikan budaya integriti dan governans secara menyeluruh. Semua dokumen tersedia dan dikemaskini, pelaksanaan dilaksanakan secara menyeluruh, ada bukti pemantauan dan semakan berkala, serta kesedaran kakitangan berada di tahap tertinggi.
75%-89%	SIHAT	Pembudayaan integriti dan governans berada pada tahap baik dan stabil. Sistem berfungsi dengan berkesan namun masih terdapat ruang penambahbaikan dari aspek pelaksanaan menyeluruh, dokumentasi dan pemantauan berterusan.
50%-74%	SAKIT	Menggambarkan bahawa organisasi sedang berhadapan dengan isu salah laku integriti atau

		kelemahan governans. Sebahagian dokumen tidak lengkap atau pelaksanaan tidak konsisten, terdapat risiko ketidakpatuhan dan beberapa fungsi kritikal belum dilaksanakan sepenuhnya, memerlukan tindakan pembetulan segera.
0-49%	KRITIKAL	Menunjukkan bahawa organisasi mengalami kepincangan governans dan/atau salah laku integriti yang serius. Kebanyakan dokumen penting tiada atau tidak dilaksanakan, tiada pemantauan sistematik, tahap kesedaran rendah, dan memerlukan intervensi drastik daripada pengurusan tertinggi.

C. SOALAN LAZIM (FAQ)

Soalan 1: Apakah SPINE dan bagaimana konsep pelaksanaannya di agensi sektor awam?

Jawapan: SPINE ialah Sistem Pengurusan Integriti dan Governans yang menilai tahap integriti organisasi melalui *Integrity Health Check* berasaskan tujuh elemen utama. Ia menggunakan penilaian sendiri, laporan automatik dan pelan penambahbaikan untuk membantu agensi menutup jurang integriti. Pelaksanaannya berasaskan kitaran Perancangan (Plan), Pelaksanaan (Do), Penyemakan (Check) dan Tindakan (Action) – PDCA dan dibimbing oleh IIM, menjadikan integriti sebagai budaya kerja berterusan, bukan sekadar pematuhan dasar.

Soalan 2: Mengapa SPINE diperkenalkan dan bagaimana ia berbeza daripada persijilan ABMS (MS ISO 37001:2016)?

Jawapan: SPINE diperkenalkan kerana pelaksanaan ABMS rendah disebabkan kos tinggi, tempoh lama dan kebergantungan kepada persijilan luar. SPINE menawarkan alternatif lebih praktikal, murah dan sesuai dengan konteks sektor awam Malaysia. Ia memberi tumpuan kepada pembudayaan integriti secara holistik, bukan hanya kawalan anti-rasuah. Prosesnya lebih fleksibel, berfasa dan membimbing agensi sehingga mencapai tahap Unggul, berbeza dengan ABMS yang lebih tegar dan bersifat lulus/gagal.

Soalan 3: Bagaimanakah tahap “kesihatan” integriti sesebuah organisasi dinilai melalui SPINE?

Jawapan: Tahap kesihatan integriti dinilai melalui skor penilaian sendiri merentas tujuh elemen dan dikategorikan sebagai Kritikal, Sakit, Sihat atau Unggul. Semakan Lapangan oleh IIM mengesahkan ketepatan skor. Agensi perlu mencapai $\geq 90\%$ untuk mendapat Sijil SPINE. Skor ini membantu organisasi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sebenar serta fokus penambahbaikan berdasarkan data objektif.

Soalan 4: Adakah pelaksanaan SPINE diwajibkan ke atas semua agensi sektor awam, dan apakah skop pemakaian pekeliling ini?

Jawapan: Ya. SPINE diwajibkan untuk semua agensi sektor awam termasuk Kementerian, Jabatan, Badan Berkanun, agensi negeri

dan PBT. Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pelaksanaannya mengikut garis panduan. IIM menyediakan khidmat nasihat dan penyelarasan teknikal. Pelaksanaan SPINE secara seragam bertujuan memperkukuh integriti dan akauntabiliti sektor awam negara.

Soalan 5: Apakah status ABMS selepas Pekeliling SPINE ini diluluskan?

Jawapan:

ABMS kekal sebagai sistem pengurusan antirasuah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pekeliling ini tidak membatalkan ABMS, namun menetapkan bahawa SPINE merupakan mekanisme penilaian integriti dan governans yang wajib bagi sektor awam. Agensi yang telah melaksanakan ABMS boleh terus mengekalkannya sebagai sistem dalaman tambahan.

Soalan 6: Jika agensi sudah melaksanakan ABMS, adakah masih perlu melaksanakan SPINE?

Jawapan:

Ya. Walaupun ABMS telah dilaksanakan, agensi tetap perlu melaksanakan SPINE kerana SPINE merupakan instrumen penilaian integriti yang diwajibkan oleh kerajaan bagi semua agensi sektor awam. SPINE berfungsi melengkapi ABMS, terutamanya dari aspek governans, budaya integriti, pemantauan dan penambahbaikan yang lebih luas.

Soalan 7: Adakah agensi boleh “downgrade” daripada ABMS kepada SPINE?

Jawapan:

Agensi tidak dianggap *downgrade* apabila beralih daripada ABMS kepada SPINE kerana SPINE adalah keperluan mandat kerajaan khusus bagi sektor awam. Peralihan ini dibenarkan dan tidak menjejaskan kedudukan integriti agensi kerana SPINE merangkumi elemen lebih menyeluruh yang melibatkan integriti, governans dan pematuhan. Agensi boleh memilih untuk mengekalkan ABMS sebagai amalan tambahan, tetapi SPINE kekal sebagai instrumen penilaian utama.

Soalan 8: Bagaimanakah kejayaan pelaksanaan SPINE diukur dan apakah hasil yang diharapkan?

Jawapan: Kejayaan SPINE diukur melalui peningkatan skor integriti, bilangan agensi mencapai Unggul serta penurunan kes salah laku. Pelaksanaannya dijangka meningkatkan tadbir urus, mengurangkan salah guna kuasa, dan mempercepat penyampaian perkhidmatan. Dalam jangka panjang, SPINE menyumbang kepada peningkatan skor CPI, keyakinan pelabur dan reputasi tadbir urus Malaysia di peringkat global.